



CUBA...Yong mencuba sebuah mikroskop semasa mengadakan lawatan ke kampus sementara UMS di Menggatal, kelmarin.

*Harian Express 22/8/96*

## 107 keluarga setinggan di tapak kampus UMS setuju terima pampasan RM5,000 bagi setiap keluarga

Oleh YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU, Rabu - Proses pembinaan kampus induk Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Teluk Likas di sini berjalan lancar termasuk memindahkan 107 keluarga setinggan dari kawasan itu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman berkata, Pelan induk universiti itu, laporan penilaian kesan alam sekitar dan pengukuran tanah telah siap.

Menurutnya, pata setinggan itu yang telah disahkan oleh Majlis Perbandaran Kota Kinabalu (MPKK) sebagai penduduk tempatan telah bersetuju menerima pampasan yang ditawarkan sebanyak RM 5,000 bagi setiap keluarga.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara dengan Harian Ekspres memberi taklimat kepada Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, yang mengadakan lawatan di kampus sementara UMS di Menggatal, dekat sini petang

tadi.

Abu Hassan berkata, dengan penyelesaian urusan itu maka jadual pembinaan kampus induk universiti tersebut, yang dijangka bermula September depan akan dilaksanakan bagi membolehkan fasa pertamanya siap pada 1998.

Sebelum itu, pada sesi taklimatnya kepada Ketua Menteri, beliau berkata, hanya 131 siswa daripada 1,422 siswa UMS yang menerima bantuan biasiswa daripada agensi kerajaan dan yaysan negeri.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 45 pelajar menerima biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kerajaan Negeri Sabah (38); Yayasan Sabah (10); Yayasan Sarawak (4); Yayasan Johor (1); Yayasan Perak (1); Yayasan Kedah (2); Felda (1) dan Petronas (15).

Dua syarikat swasta turut memberi biasiswa mereka kepada masing-masing seorang siswa UMS ialah Koule

Foundation dan Intel Faudation.

Beliau juga berkata, dalam bidang penyelidikan UMS sudah membelanjakan kira-kira RM1 juta dalam bidang psikologi, perniagaan dan ekonomi serta projek penyelidikan marin.

Katanya, dalam penyelidikan itu juga Darwin Institute London turut menyumbang sebanyak RM52,232.

"Selain itu, UMS turut mewujudkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara serta negara ini yang dikenali sebagai 'Rangkaian Bijak'," katanya.

Menurutnya, antara institusi terbabit ialah Universiti Malaya (UM), Pasific Academic Consortium For Public Helty (APACPH) dan InnoSabah.

Beliau berkata, setakat ini Rangkaian Bijak ini membabitkan bidang kesihatan dan ekonomi.